BERITA HARIAN 14/09/15

Pengundian UNISZA babit satu fakulti

Kuala Nerus: Proses pengundian Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2015/2016 bagi kerusi Fakulti Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) hanya membabitkan pertandingan di satu daripada 10 fakulti.

Pendaftar UNISZA, Nordin Jusoh, berkata pemilihan MPP kali ini kurang hangat kerana persaingan hanya berlaku dalam kalangan empat calon daripada Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) manakala 18 calon daripada sembilan fakulti lain menang tanpa bertanding.

Katanya, ketiadaan isu besar dalam kalangan pelajar dan peruntukan masa singkat bagi pemilihan sesi 2015/2016 selepas MPP sesi 2014/2015 berakhir pada 6 September lalu, dipercayai mendorong perkembangan itu.

"Biasanya pemilihan MPP UNISZA berlangsung meriah kerana ribuan pelajar keluar mengundi memilih calon fakulti dan calon umum.

"Tahun ini pertandingan hanya berlaku di FIK dan empat calon iaitu pelajar tahun dua dan tiga bertanding merebut kerusi berkenaan," katanya selepas pengumuman keputusan rasmi MPP Sesi 2015/2016 kerusi Fakulti UNISZA, semalam.

Nordin berkata, seramai 491 daripada 724 pelajar Fakulti FIK, Kampus Tembila, Besut keluar mengundi.